



Kementerian Kerja Raya

01

BINA

ISSN: 1985 - 4595

**JAN - MAC
2015**

BIL. NO: 01 / 2015



**LEBUHRAYA PAN BORNEO:
MEREALISASI HARAPAN RAKYAT
SARAWAK**

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
[Ketua Setiausaha KKR]

PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Sarani Bin Dollah
[Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan) KKR]

KETUA PENGARANG

Pn. Noreha Mohd Ripin
[Ketua Komunikasi Korporat]

PENGARANG

En. Mohd Rizal Hashim
En. Fauzi Baharudin
Pn. Aisah Ghazali

JURUFOTO

En. Rosdin Sabni
Cik Hidayatul Sa'adiah Binti Saad
[Jurufoto Unit Komunikasi Korporat
dan Unit Perpustakaan & Sumber
Jabatan Kerja Raya]

REKABENTUK / PENCETAK

LEGASI PRESS SDN BHD
Tel: +603 6272 2022

URUSETIA

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

SUMBANGAN ARTIKEL

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja. Sumbangan Artikel boleh dialamatkan kepada:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Kerja Raya
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin, 50580
Kuala Lumpur

+603-8000 8000

+603-2711 1101

pro@kk.gov.my

www.kkr.gov.my

Kementerian Kerja Raya

@MOWorks

MENARIK DIDALAM

- 3 Perdana Menteri Lancar Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo
- 4 Perdana Menteri Lancar Pembinaan Rumah Kekal Mangsa Banjir di Manek Urai
- 6 Hospital Baru Sri Aman Tingkat Taraf Kemudahan Kesihatan Penduduk
- 7 TPM Tinjau Lokasi Terjejas Banjir Sekitar Kuala Lipis, Pahang
- 7 Lawatan YBTM ke Rumah Mangsa Banjir Manek Urai
- 8 Misi Pasca Banjir KKR dan Agensi di Slot Landskap, RTM
- 8 Soal Jawab TV3 - Pelancaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak
- 9 MATEPM Merai Peserta Kemahiran Peringkat Kebangsaan
- 10 Misi Pasca Banjir Kementerian Kerja Raya
- 12 Pelancaran Aplikasi Mobile Aduan Jalan KKR
- 13 Pengrusan Kewangan KKR Diiktiraf Audit Negara
- 14 Perjumpaan KSU dengan Kumpulan Pelaksana KKR Mengukuhkan Organisasi
- 15 Taklimat Pelaksana GST dalam Penswastan Lebuhraya Bertol
- 16 Majlis Pecah Tanah Jambatan Batang Samarahan, Sarawak
- 17 Ucapan Tahun Baharu 2015 Menteri Kerja Raya
- 18 Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kementerian Kerja Raya 2015
- 19 Sabutan Tahun Baru Cina Peringkat KKR

PERDANA MENTERI LANCAR PEMBINAAN LEBUHRAYA PAN BORNEO



BINTULU, 31 Mac - Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan pembinaan dan kerja menaiktaraf Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sebagai menunaikan Aku Janji Manifesto Barisan Nasional yang diumumkan pada April 2013.

Acara bersejarah ini berlangsung di tapak kawasan rehat dan rawat (R & R) jajaran Nyabau – Bakun dengan kehadiran lebih 10,000 orang. Turut hadir menyampaikan ucapan aluan adalah Ketua Menteri Sarawak, Yang

Amat Berhormat, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Adenan Bin Haji Satem.

Lebuhraya Pan Borneo (LPB) merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan sebahagian daripada Pelan Pembangunan Jaringan Lebuhraya (HNDP) 2010 Kementerian Kerja Raya. Pelancaran ini dimulakan dengan pembinaan Fasa 1 iaitu seksyen Nyabau – Bakau sejauh 43 kilometer dan dijangka siap akhir tahun 2017.

Skop kerja projek menaiktaraf LPB Sarawak ini bakal menyaksikan peningkatan piawai jalan daripada

R3 (Piawai JKR) iaitu dua lorong dua hala kepada R5, empat lorong dua hala. Melalui jaringan efisien yang dibina ini ia mampu memberi impak positif kepada ekonomi, keselamatan, keselesaan, penjimatan masa dan bahan api, seterusnya membawa transformasi kepada rakyat Sarawak.

Panjang keseluruhan LPB Sarawak dianggarkan sejauh 1076 kilometer bermula dari Tanjung Datu ke Merapok/ Sindumin (sempadan Sabah) dan kerja menaiktaraf dijangka dapat disiapkan menjelang tahun 2023.



Meneliti jajaran Pan Borneo pada peta Sarawak



PM dan Ketua Menteri Sarawak bersama YBM Kerja Raya meneliti salah satu buku cenderahati

PERDANA MENTERI LANCAR PEMBINAAN RUMAH KEKAL MANGSA BANJIR DI MANEK URAI



KUALA KRAI, 29 Januari - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan pembinaan 138 rumah kekal jenis binaan di atas tiang setinggi lapan kaki dari aras tanah bagi mangsa banjir yang kehilangan rumah di Manek Urai Lama di sini.

Beliau berkata dengan ini, pembinaan sesebuah rumah dapat disiapkan dalam tempoh 75 hari dan pelaksanaan projek yang dibuat secara berperingkat itu dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh setahun.

“Kerana dibina atas cerucuk lapan kaki tinggi (dan) kawasan bawah itu boleh digunakan, bererti (saiz) keseluruhan semua sekali adalah 1,300 kaki persegi dengan nilai setiap sebuah rumah RM48,000.

“Ini beri jaminan (pada) masa depan kalau ada banjir sekali lagi, rumah-rumah seperti ini tidak akan ditenggelami air,”

katanya dalam sidang media selepas menyerahkan bantuan kepada mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Manek Urai Baru.

Hadir bersama lebih 2,000 mangsa banjir di jajahan Kuala Krai pada majlis itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan

Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof.

Tetamu lain ialah Pengerusi Biro Kebajikan Umno Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ketua Umno bahagian Kuala Krai merangkap Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Dabong Datuk Ramzi Ab Rahman.



Penyampaian Sumbangan kepada bakal penerima rumah



YAB Perdana Menteri Memasukkan Simen ke batu asas sebagai simbolik pembinaan bermula



YAB Perdana Menteri melihat replika rumah baharu yang bakal dibina

Sebelum itu, Najib melakukan tinjauan mesra ke tapak pembinaan rumah mangsa banjir di Manek Urai Lama bagi meninjau pembinaan lima rumah kekal jenis binaan di atas tiang selain menyampaikan sumbangan wang ihsan kepada beberapa keluarga di situ.

Najib berkata bagi rumah binaan terus di atas tanah, jumlah keluasan pula adalah 800 kaki persegi berbanding keluasan 660 kaki persegi seperti yang diumumkan kerajaan baru-baru ini dan masih mengekalkan tiga bilik tidur, ruang makan, ruang tamu, satu tandas dan satu bilik mandi.

Beliau berkata peringkat pertama pembinaan rumah melibatkan mangsa yang mempunyai tanah sendiri manakala bagi penduduk yang tinggal

di kawasan setinggan serta rizab sungai pula, kerajaan Pusat akan berunding dengan kerajaan negeri.

“Kumpulan ini kita minta kepada kerajaan negeri untuk meluluskan tapak-tapak baharu di tempat lebih selamat, di kawasan lebih tinggi,” katanya.

“Di samping itu kerja baik pulih kita dah minta untuk diambil tindakan dengan nilai maksimum RM10,000. Kerja-kerja ini akan diselaraskan dengan agensi pelaksana iaitu Kementerian Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW),” jelas Najib.

Sementara itu, Fadillah berkata pembinaan dan baik pulih rumah yang rosak akan diberi kepada kontraktor dan

pekerja yang berada di kawasan yang terlibat banjir dan berdaftar dengan CIDB serta mempunyai rekod yang baik.

“Di Kelantan, terdapat lebih 1,600 kontraktor kelas F yang layak untuk kerja-kerja pembinaan dan baik pulih ini, dan kita akan beri keutamaan kepada mereka dahulu bagi pelaksanaan pembinaan dan baik pulih rumah.

“Ia akan dipantau oleh jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri dan Persekutuan. Kita anggar akan bina kira-kira 3,000 unit rumah di negeri-negeri yang terlibat banjir,” katanya.

-- BERNAMA



YAB Perdana Menteri mendengar taklimat ringkas dari YB Menteri Kerja Raya

HOSPITAL BARU SRI AMAN TINGKAT TARAF KEMUDAHAN KESIHATAN PENDUDUK



SRI AMAN, 27 Februari - Komitmen Kerajaan dalam memastikan taraf hidup dan kemudahan kesihatan yang baik bagi masyarakat sekitar Sri Aman, Sarawak diterjemahkan melalui usaha membina Hospital Baru Sri Aman yang merupakan projek Gantian kepada Hospital sedia ada yang dibina 60 tahun dahulu (1954).

Perletakan Batu Asas hospital ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak dalam satu majlis yang telah diadakan di tapak binaan hospital tersebut. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu Numpang, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam dan

Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Fadillah Yusof.

Projek Kementerian Pelanggan, Kementerian Kesihatan Malaysia ini dijadual bermula pada bulan April 2015 ini dan dijangka siap dalam masa 3 tahun dengan kos bernilai RM150 juta.



YAB PM mendengar taklimat tentang pembinaan Hospital Baharu ini



Majlis diteruskan dengan sumbangan kepada penduduk kampung

TPM TINJAU LOKASI TERJEJAS BANJIR SEKITAR KUALA LIPIS, PAHANG



KUALA LIPIS, 5 Februari – Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengadakan tinjauan ke beberapa lokasi yang terjejas akibat banjir sekitar Kuala Lipis, Pahang.

Lokasi pertama adalah Jambatan Sungai Tanum di Kampung Aur Gading yang runtuh akibat banjir baru-baru ini dan taklimat ringkas telah disampaikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Pahang. Jambatan ini merupakan laluan penduduk dari Kampung Aur Gading, Kampung Berkam serta Kampung Bukit Betong untuk berulang-alik ke bandar Kuala Lipis.

Timbalan Perdana Menteri seterusnya melancarkan projek pembinaan rumah kekal dan projek membaik pulih rumah yang terjejas banjir yang di pantau pembinaannya oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensinya, JKR Pahang.

Tinjauan diakhiri dengan majlis penyampaian bantuan wang ihsan bertempat di Dewan Aur Gading, yang turut dibaikpulihan

oleh para pelatih dari Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Pusat Giat Mara. Turut serta dalam tinjauan ini ialah Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, YB Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dan Menteri Besar, YAB Datuk Seri Adnan Yaakob.



Bersama salah seorang mangsa bantuan banjir pembinaan rumah

LAWATAN YBTM KE RUMAH MANGSA BANJIR MANEK URAI

MANEK URAI, 11 Mac 2015 - Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin telah meluangkan masa bagi meninjau kemajuan pelaksanaan projek Rumah Kekal Pasca Banjir di Manek Urai Kuala Krai yang kini dalam proses pembinaan.

Beliau yang diiringi oleh pegawai pegawai kanan dari Kementerian Kerja Raya mengambil masa hampir dua jam bagi meninjau sendiri kemajuan projek tersebut dimana projek Rumah Kekal ini adalah usaha kerajaan bagi membantu mangsa mangsa banjir khususnya di kawasan Manek Urai, Kuala Krai.



YB Timbalan Menteri meninjau kawasan pembinaan bersama kakitangan JKR

Terdahulu beliau telah merasmikan majlis penutupan Kursus Pentadbiran Kontrak Pembinaan di Dewan Misai Kuching FAMA Kota Bharu, Kelantan anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor Usahawan, Kementerian Kerja Raya.



MISI PASCA BANJIR KKR DAN AGENSI DI SLOT LANDSKAP, RTM

KUALA LUMPUR, 19 Januari – Program televisyen Landskap terbitan RTM telah menemubual Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof berhubung isu Pasca Banjir hari ini bertempat di Studio 1, wisma TV, Angkasapuri.

Rancangan siaran secara langsung selama sejam ini telah disiarkan melalui saluran TV1 bermula pada jam 9.05 malam. Pelbagai topik telah dikupas serta dibincangkan khususnya berhubung usaha dan perancangan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam memperbaiki dan menguruskan infrastruktur yang telah terjejas akibat banjir, tanah runtuh dan mendap baru-baru ini.



Peranan Pusat Pengurusan Bencana Jabatan Kerja Raya (JKR) turut disentuh apabila ia menjadi nadi informatif status bencana yang melibatkan jalanraya persekutuan dan negeri. Selain itu usaha para sukarelawan yang terdiri daripada warga Kerja Raya, Agensi

serta syarikat konsesi turut dikongsikan dimana mereka telah terlibat dalam usaha menghantar misi bantuan bahan keperluan selain kerja-kerja mencuci dan membersihkan premis terjejas sepanjang musim pasca banjir.

SOAL JAWAB TV3 – PELANCARAN LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

BINTULU, 25 Mac 2015 – YB Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Yusof, telah diwawancara dalam rancangan Soal Jawab terbitan TV3 berhubung pelancaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (LBS) yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak pada 31 Mac 2015.

Rancangan yang dihoskan oleh Izwan Azir Saleh ini merungkai aspek teknikal LBS serta impak positif projek bernilai RM13bilion ini kepada sosioekonomi masyarakat setempat di Negeri Sarawak khususnya.

Menurut Menteri Kerja Raya dalam rancangan yang bersiaran selama satu jam ini, pelancaran LBS merupakan kerja naiktaraf atau peningkatan laluan sedia ada yang wujud sejak tahun 1965 sejauh 936 kilometer dan amat ditunggu-tunggu warga Sarawak kerana ia bakal melicinkan sistem perhubungan



Bersama pengacara rancangan Soal Jawab

darat selain penjimatan masa dan kos bahanapi yang sememangnya amat menguntungkan pengguna jalanraya.

Lebuhraya Pan Borneo (LPB) merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan sebahagian daripada Pelan Pembangunan Jaringan Lebuhraya (HNDP) 2010 Kementerian Kerja Raya. Pelancaran ini dimulakan dengan

pembinaan Fasa 1 iaitu seksyen Nyabau – Bakau sejauh 43 kilometer dan dijangka siap akhir tahun 2017. Skop kerja projek menaiktaraf LPB Sarawak ini bakal menyaksikan peningkatan piawai jalan daripada R3 (Piawai JKR) iaitu dua lorong satu hala kepada R5, empat lorong dua hala.

MATEPM MERAJI PESERTA KEMAHIRAN PERINGKAT KEBANGSAAN



PUTRAJAYA, 29 Januari – Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) untuk memilih peserta terbaik keseluruhan pertandingan kategori Worldskills Malaysia Belia (WSMB) dan Kategori Worldskills Malaysia Pengajar (WSMP) bagi mewakili negara menyertai pertandingan World Skills Competition (WSC) di São Paolo, Brazil pada bulan Ogos 2015.

Pertandingan WSMB dan WSMP 2014 telah diadakan dari 11 hingga 17 Jun 2014 di pelbagai institusi kemahiran seluruh Negara dengan sembilan bidang kemahiran WSMB yang melibatkan pembinaan telah diurusitiakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) iaitu Welding, Plumbing and Heating, Joinery, Refrigeration and Air Conditioning, Wall and Floor Tiling, Bricklaying, Mechanical CADD design dan Electrical Installation.

Kemuncak bagi majlis ini ialah pengumuman pemenang Anugerah tangan Emas Perdana Menteri. Bagi kategori belia, Encik Muhamad Hafiz Bin Rohani daripada bidang Electrical Installation diumumkan penerima Anugerah manakala bagi kategori pengajar jatuh kepada Khairul Azhar Mat Nasir daripada bidang Automobile Technology.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YAB Tan Sri Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan antara jemputan utama yang turut hadir ialah YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya.

Majlis ini turut meraikan peserta dan pakar negara yang telah memenangi pingat di Asean Skills Competition

(ASC) KE-10 di Hanoi, Vietnam. Secara keseluruhan Malaysia telah mendapat tempat kedua daripada 10 negara yang bertanding dengan kutipan 9 pingat emas, 4 pingat perak, 4 pingat gangsa dan 17 pingat kecemerlangan.

MATEPM merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan majlis turut diselitkan dengan pelancaran buku alumni WSMB.



Penerima Anugerah Tangan Emas kategori Belia dan Pengajar bersama wang tunai dan trofi

MISI PASCA BANJIR KEMENTERIAN KERJA RAYA



TEMERLOH, 10 Januari - YBhg. Dato' Sri Zohari bin Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaya Raya (KKR) telah mengetuai misi 414 orang sukarelawan hari ini yang merupakan hari keempat Misi Pasca Banjir KKR di beberapa kawasan sekitar Temerloh, Pahang yang terjejas teruk akibat banjir.

Terdapat wakil dari syarikat korporat yang turut serta dalam misi ini iaitu wakil dari syarikat konsesi Selia Senggara Sdn.

Bhd., Syarikat Sapura Berhad, Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd., Persatuan Kontraktor Kontraktor Kelas F (PERKOF) dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM).

Misi pertama telah bermula pada 7 Januari 2015 lalu melibatkan seramai 154 orang sukarelawan yang terdiri dari warga KKR, Kelab PUSPANITA KKR, JKR Daerah Temerloh serta Team Mercy JKR, berganding bahu bersama



Pelancaran dimulakan dengan gimik menampal sticker pada kenderaan misi



Ucapan Penghargaan dimulakan oleh KSU



KSU dan Isteri bersama-sama membersihkan sebuah dewan di Sek. Mahaad tahfiz Al- Amin

syarikat korporat seperti syarikat konsesi Roadcare Sdn. Bhd. dan Maju Expressway Berhad (MEX). Misi pada hari pertama ini diketuai oleh Tuan Hj. Sarani Bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan KKR.

Manakala bagi hari kedua pada 8 Januari 2015, Misi Pasca Banjir KKR diteruskan oleh seramai 344 orang sukarelawan yang terdiri dari pasukan KKR, LLM, CIDB, Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi (MOSTI), JKR Temerloh serta JKR Malaysia Ibu Pejabat. Misi di hari ketiga pula melibatkan seramai 306 sukarelawan yang diketuai oleh YBhg. Dato' Yahaya Hassan, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan KKR.

Pasukan sukarelawan KKR ini dipecahkan kepada beberapa pasukan untuk bersama-sama membantu membersihkan kediaman ibu tunggal,

warga emas dan sekolah yang terkesan dengan bencana banjir. Antara sekolah yang dibantu para sukarelawan adalah SK Telok Sentang, SK Bintang, SK Guai, SK. Paya Pulai, SK. Paya Taram, SK. Paya Ara dan Taman Sri Kerinau daerah Temerloh, Pahang.



Tinjauan di dalam kelas yang terlibat banjir

PELANCARAN APLIKASI MOBILE ADUAN JALAN KKR



KUALA LUMPUR, 26 Mac - Kementerian Kerja Raya (KKR) telah membangunkan aplikasi saluran aduan menggunakan telefon pintar sebagai satu usaha inovasi memudahkan pengguna jalanraya menyalurkan aduan iaitu Aplikasi Mobile Aduan Jalan KKR. Aplikasi ini merupakan alternatif kepada saluran aduan sedia ada, namun ia lebih bersifat mesra pelanggan dan holistik.

Ini kerana setiap aduan boleh disalurkan melalui telefon pintar pengguna dengan menyertakan foto lokasi aduan selain diintegrasikan dengan fungsi Geographical Information System (GIS),

dimana lokasi aduan adalah lebih tepat dan seterusnya memudahkan tindakan susulan diambil pihak KKR.

Aplikasi ini boleh didapati secara percuma dengan memuat turun daripada App Store untuk sistem operasi iOS dan Play Store untuk pengguna sistem operasi Android. Terdapat beberapa langkah mudah dalam menggunakan aplikasi ini dimana pengguna hanya perlu menghantar foto dan lokasi aduan, memilih jenis aduan, mengisi maklumat aduan dan seterusnya menghantar aduan tersebut. Pelancaran Aplikasi Mobile Aduan

Jalan KKR ini merupakan pendekatan proaktif KKR dalam memastikan usaha aduan kerosakan infrastruktur jalanraya dapat disalurkan dengan mudah selaras perkembangan teknologi dan peningkatan penggunaan telefon pintar di Malaysia pada masa kini oleh semua demografik masyarakat.

Disamping itu, inisiatif ini juga selari dengan misi KKR, iaitu memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi dalam usaha menyediakan kemudahan, keselesaan dan keselamatan kepada pengguna.



Sebahagian warga KKR mencuba menggunakan aplikasi di telefon pintar masing-masing



Penerangan tentang penggunaan aplikasi oleh SUB BPM kepada pihak media

PROTOTAIP RUMAH USAHASAMA BERSAMA BAYER – CIDB

KUALA LUMPUR, 16 Mac – Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof telah menyempurnakan pelancaran Model Rumah Bayer di Pusat Konvensyen CIDB hari ini. Projek rumah mampu milik ini adalah alternatif untuk membina rumah mampu milik dan selesa. Rekaan model rumah Bayer ini merupakan hasil daripada kerjasama antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bayer Material Science.

Model rumah Bayer adalah rekaan rumah yang menggunakan panel komposit penebat Polyurethane ringan yang mudah dan cepat dipasang. Polyurethane mempunyai sifat penebat yang baik untuk membuat rumah yang lebih cekap tenaga dengan mengurangkan suhu didalam rumah.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut adalah YBhg Dato' Zohari Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan YBhg Dato' Sri Ir Dr. Judin Abdul Karim, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

PENGURUSAN KEWANGAN KKR DIKTIRAF AUDIT NEGARA



Tuan Haji Sarani Bin Dollah TKSU (P) mewakili KKR dalam penerimaan anugerah ini

KUALA LUMPUR, 19 Januari - Kementerian Kerja Raya (KKR) meneruskan kecemerlangan dalam pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti bagi tahun 2013 apabila berjaya memperolehi Anugerah Kecemerlangan tersebut hari ini.

Penyampaian anugerah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Tuan Haji Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha KKR telah menerima anugerah bagi pihak Kementerian.

Ucapan aluan pula disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang, Ketua Audit Negara. Majlis ini turut dihadiri penerima anugerah bagi kategori Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun yang dinilai oleh Jabatan Audit Negara.

LAWATAN KERJA KE 3 NEGERI TERJEJAS BANJIR OLEH YB MENTERI KERJA RAYA

KUALA KRAI, 1 Januari – Kejadian banjir yang melanda empat buah negeri di Semenanjung Malaysia telah menjejaskan beberapa jalanraya dan infrastruktur lain mengakibatkan beberapa kawasan telah terputus hubungan pengangkutan darat.

Bagi menilai kesan kemusnahan ini, Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke tiga negeri yang terjejas akibat bencana bersama-sama pihak pengurusan tertinggi Kementerian antaranya YBhg. Dato' Sri Zohari Akob, Ketua Setiausaha KKR dan YBhg. Dato' Ir.

Annies Md. Ariff, Ketua Pengarah Kerja Raya.

Lokasi pertama yang dilawati beliau adalah Jalanraya Timur Barat Gerik – Jeli, (Perak – Kelantan) FT 004, kilometer 69 yang mengalami keruntuhan cerun. Jalan lencongan sedang dibina syarikat konsesi dan kerja ini dipantau Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak bagi menyediakan laluan alternatif sementara kepada pengguna jalanraya ini.

Lawatan diteruskan ke Kuala Krai, Kelantan. Antara lokasi yang dilawati adalah Pusat Pemindahan Banjir di Sekolah Mengah Yahya Petra 2, jalan

terjejas FT 008 Kuala Krai – Gua Musang dan rumah penduduk sekitar Kampung Kubang Lebur, Kuala Krai.

Lokasi terakhir yang dilawati adalah dua pusat pemindahan sementara di Daerah Temerloh, Pahang iaitu Sek. Men. Keb Sri Tualang, Temerloh dan Sekolah Menengah Seri Sukan Seberang Temerloh. Menteri Kerja Raya telah sudi menyampaikan sumbangan bantuan yang telah dikumpul oleh warga Kerja Raya kepada mangsa banjir di kedua-dua pusat pemindahan tersebut.

PERJUMPAAN KSU DENGAN KUMPULAN PELAKSANA KKR MENGUKUHKAN ORGANISASI



KUALA LUMPUR, 20 Mac – Bagi mengukuhkan ukhuwah atau hubungan antara kakitangan warga Kerja Raya, satu perjumpaan antara Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya bersama-sama kumpulan Pelaksana telah diadakan hari ini bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid.

Dato'Sri Zohari Haji Akob telah meluangkan masa selama dua jam untuk menyampaikan dan berkongsi amanat serta aspirasi pihak pengurusan atasan kepada warga Kementerian. Selain itu sesi soal jawab yang diadakan juga merupakan platform komunikasi dua hala yang telah berjaya merungkai

beberapa persoalan disamping memberi peluang kepada kakitangan menyatakan hasrat dan harapan mereka.

Program anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) ini secara keseluruhannya dapat merapatkan lagi hubung jalin antara pihak pengurusan dengan kakitangan kumpulan pelaksana dalam usaha mewujudkan sebuah organisasi yang mempunyai kesefahaman dan perpaduan yang utuh.



Ucapan pembukaan dan amanat yang disampaikan oleh KSU KKR



Wakil dari BPSM KKR menjawab soalan yang diajukan berkaitan dengan perkhidmatan

TAKLIMAT PELAKSANAAN GST DALAM PENSWASTAAN LEBUHRAYA BERTOL



KUALA LUMPUR, 16 Januari - Sebagai persiapan menghadapi pengenaan Goods and Services Tax (GST) yang bakal berkuatkuasa 1 April tahun ini, satu taklimat pelaksanaannya kepada pihak yang terlibat dalam Penswastaan Lebuhraya Bertol telah di atur oleh Bahagian Pembangunan dan Penswastaan (BPP), Kementerian Kerja Raya (KKR) di Dewan Tanjung, Kompleks Kerja Raya.

Encik Ezleezan Othman dari Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia telah hadir menyampaikan taklimat GST selain menjawab soalan daripada para peserta di sepanjang majlis ini. Para peserta taklimat ini terdiri daripada warga Kerja Raya, pihak pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan wakil daripada syarikat konsesi lebuhraya.

Terdahulu, perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Setiausaha Bahagian, BPP manakala untuk sesi soal jawab, Puan Josephine Juliana Arul, Timbalan Setiausaha Bahagian, BPP pula telah bertindak sebagai moderator segmen tersebut.



Sesi soal jawab



Taklimat oleh pegawai dari Kementerian Kewangan Malaysia



Sebahagian daripada peserta taklimat yang hadir

MAJLIS PECAH TANAH JAMBATAN BATANG SAMARAHAN, SARAWAK



KUCHING, 6 Februari – Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Adenan Bin Haji Satem, merasmikan Majlis Pecah Tanah Jambatan Batang Samarahan hari ini.

Pembinaan jambatan di hilir Batang Samarahan ini akan melengkapkan jajaran-jajaran jalan raya persisiran pantai yang berdekatan yang menghubungkan Kota Samarahan dan Asajaya. Ketika ini terdapat dua alternatif menghubungkan Kota Samarahan

dengan Asajaya iaitu menggunakan pengangkutan feri di Kota Samarahan dan laluan darat melalui Jalan Meranek / Lansat yang menyeberangi hulu Batang Samarahan melalui jambatan di Kampung Melayu.

Jambatan ini direkabentuk mengikut piawai terkini British Standard, iaitu BS5400. Jambatan sepanjang 774 meter ini, akan menyediakan laluan dua lorong dua hala, laluan pejalan kaki dan jalan tuju sepanjang 3kilometer yang

menghubungkan jambatan ke jalan raya berdekatan. Lokasi Jambatan Batang Samarahan adalah di utara Kampung Tambey, sejajar dengan Lebuhraya Samarahan.

Projek ini dijangka siap pada 2018 dan setelah siap pembinaanya, ia akan memanfaatkan kira-kira 240,000 penduduk di Bahagian Samarahan dan memendekkan 30 minit masa perjalanan berbanding menaiki feri.



Tan Sri Alfred Jabu mendengar taklimat tentang pembinaan jambatan Batang Samarahan



Tetamu terhormat beramah mesra dengan penduduk tempatan yang hadir dalam perasmian ini

UCAPAN TAHUN BAHARU 2015 MENTERI KERJA RAYA



KUALA LUMPUR, 22 Januari – Warga Kerja Raya dan Agensi telah berkumpul bersama-sama bertujuan mendengar Ucapan Tahun Baharu 2015 yang disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini.

Antara intipati ucapan tersebut adalah penghargaan terhadap pasukan Misi Bantuan Banjir dan Pasca banjir iaitu Pasukan Mercy KKR dan JKR beserta agensi lain, LLM dan CIDB bersama-sama syarikat konsesi, kontraktor senggara yang telah menghantar barang dan bahan keperluan serta bergotong-royong membersihkan

premis mangsa banjir sekitar Kelantan, Perak, Terengganu dan Pahang.

Turut menerima penghargaan adalah para petugas Pusat Pengurusan Bencana Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia yang bertugas 24 jam menyalurkan maklumat bencana seperti tanah runtuh, mendap dan rosak dengan dibantu pasukan Media Sosial KKR yang aktif menyebarkan maklumat tersebut kepada orang awam.

YB Menteri turut menyentuh perkembangan sektor pembinaan Negara, usaha pemantapan Akta Badan Profesional yang melibatkan Kementerian, kejayaan kontinjen

Malaysia di ASEAN Skills Competition (ASC) ke-10 di Hanoi, Vietnam, selain hasrat Kerajaan untuk melaksanakan Kutipan Tol Secara Elektronik sepenuhnya pada tahun 2018 di semua Lebuhraya Bertol.

Pada akhir ucapannya, Menteri Kerja Raya menyeru supaya semua warga Kerja Raya mengeratkan kerjasama, persefahaman dan menggembleng tenaga dalam merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat bagi memastikan negara berada di atas landasan yang tepat dalam melaksanakan aspirasi nasional.



Tabung perihatin mangsa banjir turut diedarkan



Menteri, Timbalan & KSU Kementerian Kerja Raya sempat beramah mesra dengan kakitangan Kementerian

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA 2015



Sesi ceramah

Kuala Lumpur, 30 Januari – Suasana pagi di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks KKR meriah dengan kehadiran warga KKR yang hadir bagi menyambut Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1436H/2015 Peringkat Kementerian Kerja Raya bersempena memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad S.A.W. Turut hadir pada majlis ini adalah Ketua Setiausaha KKR, Dato' Sri Zohari Haji Akob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Dato' Zainudin Bin Zakaria dan Pengurusan atasan Kementerian dan Agensi.

Majlis dimulai dengan selawat beramai-ramai yang diketuai oleh kumpulan nasyid terkemuka Malaysia, Far-East. Disamping itu, ahli kumpulan itu juga berkesempatan menghiburkan para tetamu yang hadir dengan lagu-lagu kegemaran seperti "Syahadah". Acara diakhiri dengan sesi perkongsian ilmu tentang amalan Nabi Muhammad S.A.W, sejarah dan sunnah-sunnah baginda oleh penceramah jemputan, Ustaz Syed Norhisham Al-Idrus.



Persembahan nasyid dan selawat



Tetamu kehormat yang turut serta pada sambutan Maulidur Rasul peringkat KKR

KEMENTERIAN KERJA RAYA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT KKR

SELAMAT TAHUN BARU CINA GONG XI FA CHAI

新年快樂



KUALA LUMPUR, 3 Mac – Majlis Sambutan Tahun Baru Cina peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) 2015 telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini. Ketibaan Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin telah diiringi dengan persembahan tarian singa daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) Kwang Hua, Klang. Majlis diteruskan dengan amalan menggaul makanan wajib bagi kaum Cina sempena menyambut perayaan tersebut iaitu 'Yee Sang'. Para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan oleh pelajar-pelajar SMJKC Kwang Hua.

Turut hadir bersama pada majlis ini adalah YBrs. Tuan Haji Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan) serta pegawai-pegawai atasan Kementerian dan Agensi-agensi.



Acara menggaul Yee Sang oleh tetamu kerhormat



Sebahagian daripada warga kerja raya yang dirai

Pan-Borneo Highway to be toll-free

More people in Sarawak and other regions are using the roads to travel faster for a shorter distance, says minister

ADAM DAVID KUALA LUMPUR... "This will certainly boost tourism and other industries..."

RUMAH GUNA TEKNOLOGI KOMPOSIT POLYURETHANE

Bayer MaterialScience dipelajari kediaman mangsa banjir Pantai Timur

Menteri Kerajaan, Datuk Seri Fadillah Yusof... "Kami sudah mendapat anggaran awal merentas MKN..."



...Kediaman mangsa banjir di Pantai Timur yang diliputi banjir...

8 NASIONAL

2,606 rumah baharu banjir siap 2 bulan

15 pemilik tanah setuju pembinaan kediaman

Menteri Kerajaan, Datuk Seri Fadillah Yusof...

bertambah selepas itu. "Antara kelulusan bagi membina...

Kemarin, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin...

traktor tempatan kelas G1 yang dahulunya dibenar kelas F.

Selain itu, kontraktor pembinaan perlu mempunyai keupayaan dalam aspek teknikal dan kewangan," katanya.

...Kriteria pemilihan kontraktor adalah yang masih aktif ditadiri dengan baik dan berpengalaman.

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

Mangsa banjir terima rumah kekal

Kediaman RM48,000 lebih tinggi elak bencana

Oleh Mohd Hamzar Hamid mizar@bh.com.my

Mangsa banjir yang kehilangan rumah mereka dalam bencana berkenaan menerima kediaman kekal berharga

Jemaah Menteri. "Jika boleh, rumah itu mesti sekurang-kurangnya tinggi 2.44 meter...

Kerajaan tanggung kos bina kediaman kekal, kerajaan juga bersedia menanggung kos balik pulih rumah mangsa banjir yang rosak di semua negeri...

"Jika boleh, rumah itu mesti sekurang-kurangnya tinggi 2.44 meter...

Gambar rumah kekal RM48,000 mangsa banjir

- Diperbuat daripada konkrit, 3 bilik, 1 ruang tamu, 1 ruang makan, 1 bilik air, 1 tandas



Aplikasi Plus Mobile bantu pengguna

Selagi pengguna aplikasi Plus Mobile...



...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

Projek lebuh raya rakyat berjalan lancar

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-



...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

Pembayaran tol secara elektronik memudahkan pengguna

Lalu lintas lebih lancar



...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

Pan Borneo Highway a blessing

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-



...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

...Meningkatkan jumlah projek pembinaan rumah tempatan, keutamaan akan diberi kepada kon-

TWITTER

Twitter post by Aizad Ahmad (@aizad079) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by RakankKR (@RakanKR) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by Penghulu S (@tokPghulu) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by KKR Malaysia (@MOWorks) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by Biswardi Hasbi (@BiswardiHasbi) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by Fajri (@Fajri) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by KKR Malaysia (@MOWorks) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by PakTarm (@pakTarm) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by Fajri (@Fajri) praising MOWorks and JKR Malaysia.

Twitter post by KKR Malaysia (@MOWorks) praising MOWorks and JKR Malaysia.